

# Kekalkan perpaduan

Dr. M.

## parti:

BH 13 MAR 1987

# Mahathir

Oleh A.R. KAMALUDIN

KOTA BHARU, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli Umno supaya mengawal nafsu dengan memelihara dan mengekalkan perpaduan bagi menjamin parti itu terus teguh.

Perdana Menteri juga memberi amaran bahawa musuh sebenar Umno tidak semestinya ada di luar parti itu, sebaliknya dalam diri ahli-ahlinya sendiri yang tidak mampu mengawal nafsu untuk kepentingan sendiri.

Katanya, Umno boleh hancur sekiranya mereka mengetepikan tanggungjawab parti yang menjadi amanah bangsa Melayu bukan sahaja untuk kesejahteraan mereka pada masa ini, tetapi juga bagi generasi akan datang.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata, Umno bukan milik seseorang pemimpin tertentu, sebaliknya milik ahli-ahlinya dan seluruh bangsa Melayu, "kerana mereka yakin Umno sahaja boleh menjamin kesejahteraan dan masa depan anak cucu mereka dan kebesaran Islam di negara ini."

Kekuatan Umno akan sekaligus menjamin perjuangan menegakkan Islam di negara ini. Sebaliknya, kehancuran Umno bukan sahaja akan menghancurkan nasib orang Melayu, tetapi kesucian dan kebesaran Islam di sini juga turut terancam.

### Beri hak

Beliau berkata, walaupun pepatah Melayu ada menyebut bahawa air dicincang tidak akan putus, "tetapi apabila air yang sudah beku, jika dicincang juga ia pasti akan putus."

Berucap merasmikan Bangunan Umno Negeri Kelantan yang berharga \$4.9 juta di sini petang ini beliau meminta ahli-ahli Umno sentiasa memelihara nafsu agar "air itu tidak jadi beku, walau apapun yang berlaku dalam Umno."

Katanya, setiap ahli Umno mestilah berusaha memelihara lunas-lunas demokrasi dalam Umno yang memberi hak kepada

● Lihat muka 2 ruang 9

# PM ajak ahli tanamkan rasa sayang kepada Umno

● Dari muka 1

da mereka memilih pemimpin-pemimpin untuk menerajui parti itu.

"Tetapi, yang lebih penting, demokrasi itu sendiri tidaklah seharusnya dijadikan landasan memuaskan niat atau nafsu sehingga perpaduan ahli-ahli tidak terpelihara lagi," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengajak ahli-ahli Umno belajar daripada sejarah Umno sendiri yang pernah dilanda pergolakan sehingga ada pemimpinnya yang meninggalkan parti menubuhkan parti lain "dan kemudiannya menentang Umno."

"Rakan-rakan Umno menghampiri Umno bukan kerana mereka suka Umno. Sebaliknya, kerana mereka tahu Umno kuat dan mantap disebabkan perpaduan di dalamnya sentiasa kukuh dan tidak mudah digugat," katanya.

### Berupaya

Kerana keberkesanan kepemimpinan Umno juga, katanya, negara yang diperintah oleh Barisan Nasional terus aman dan setiap rakyat yang berbilang kaum, agama dan budaya dapat hidup aman.

Sebagai parti yang bersikap sederhana dan toleransi, Umno yang menjadi tunjang kerajaan, dapat menyesuaikan diri dengan parti-parti yang diwakili oleh kaum-kaum lain.

Walaupun begitu Umno tetap berupaya memelihara falsafah perjuangannya yang rea-

listik untuk menjamin kekuatan bangsa Melayu dan kebesaran Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir mengajak ahli-ahli Umno terus menamakan rasa sayang kepada parti atas kesedaran tanggungjawabnya kepada bangsa Melayu, Islam dan negara.

"Kita tidak mahu, generasi akan datang membaca sejarah bahawa Umno hanya kuat dan berpengaruh pada sekian-sekian masa tetapi hancur pada sekian-sekian masa," katanya.

Ketibaan Perdana Menteri disambut oleh Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Haji Mohamed Yaacob dan pemimpin-pemimpin Umno negeri. Turut mengiringi beliau ialah isterinya, Datin Paduka Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Antara tokoh yang hadir di majlis itu ialah Naib Presiden Umno, Datuk Amar Haji Wan Mokhtar Ahmad; Ketua Wanita Umno, Datin Paduka Rafidah Aziz; Pengerusi Perhubungan Umno Pahang Darulmakmur, Datuk Khalil Yaacob; Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Datuk Isa Abdul Samad; Pengerusi Perhubungan Umno Melaka, Datuk Seri Rahim Thambi Chik; bekas Bendahari Umno, Tengku Razaleigh Hamzah; Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Ahmad Rithauddeen dan wakil-wakil parti komponen Barisan Nasional di Kelantan.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir menerima tabik hormat dari barisan Pemuda Umno Negeri.